

PROBLEM BASED LEARNING DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN KURSUS KENEGARAAN MALAYSIA DI UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

PROBLEM BASED LEARNING IN THE TEACHING AND LEARNING OF THE MALAYSIAN NATIONHOOD COURSE AT UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

Mohamed Ali Haniffa

Universiti Utara Malaysia

(Email: m.ali@uum.edu.my)

Mohan Rathakrishnan

Universiti Utara Malaysia

(Email: rmohan@uum.edu.my)

Salmah Omar

Universiti Utara Malaysia

(Email: salmahomar@uum.edu.my)

Nor Hanani Ismail¹

Universiti Utara Malaysia

(Email: norhanani@uum.edu.my)

Received date: 30-05-2019

Revised date: 30-06-2019

Accepted date: 25-08-2019

Published date: 15-09-2019

To cite this document: Haniffa, M. A., Rathakrishnan, M., Omar, S., & Ismail, N. H. (2019). Problem Based Learning dalam Pengajaran dan Pembelajaran Kursus Kenegaraan Malaysia di Universiti Utara Malaysia. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 4 (32), 351-366.

DOI: 10.35631/IJEPC.4320030

Abstrak: Kajian ini membincangkan mengenai pelaksanaan Problem Based Learning (PBL) dalam pengajaran dan pembelajaran kursus Kenegaraan Malaysia di Universiti Utara Malaysia (UUM). Kursus ini merupakan teras universiti dan perlu diambil sebagai prasyarat utama dalam proses pengijazahan. Namun cabaran besar yang sering dihadapi oleh tenaga pengajar ialah kursus ini sangat membosankan dan tidak menarik. Bilangan pelajar yang ramai dalam bilik kuliah dan pendekatan pengajaran tradisional membuatkan pelajar-pelajar berasa bosan dan tidak menarik. PBL merupakan model berfokuskan Student Centered Learning (SCL) dan mampu mengubah iklim bilik kuliah menjadi kondusif. Menyedari kekangan yang bakal

¹ Mohamed Ali Haniffa (m.ali@uum.edu.my), Mohan Rathakrishnan (rmohan@uum.edu.my), Salmah Omar (salmahomar@uum.edu.my) dan Nor Hanani Ismail (norhanani@uum.edu.my), ialah Pensyarah Kanan di Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, Universiti Utara Malaysia. Kajian ini mendapat pembiayaan dari Bantuan Penyelidikan (SoTL), Universiti Utara Malaysia, Kod SO 13829.

dihadapi dalam menyampaikan kursus ini, model PBL diaplikasikan bagi meningkatkan minat dan tahap pencapaian pelajar dalam kursus Kenegaraan Malaysia. Kajian ini berbentuk analisis deskriptif mudah yang menggunakan pendekatan pengumpulan maklumat melalui pemerhatian, aktiviti yang berfokuskan SCL dan perbincangan kumpulan fokus (focus group discussion). Hasil kajian mendapati bahawa kaedah SCL mampu meningkatkan minat dan tahap pencapaian pelajar dalam kursus Kenegaraan Malaysia di UUM.

Kata Kunci: *Problem Based Learning, Kursus Teras, Tradisional, Focus Group Discussion*

Abstract: *This study discusses the implementation of Problem Based Learning (PBL) in teaching and learning Malaysian Nationhood course at Universiti Utara Malaysia (UUM). This course is a core course and should be taken as a prerequisite in the process of graduation. However, the significant challenge faced by instructors of the course is the course itself which is tedious and uninteresting. The number of students in classrooms and traditional teaching approach caused students to feel bored and uninterested. PBL is a Student Centered Learning (SCL) based model and it is able to produce a conducive learning environment. Aware of the constraints facing in delivering this course, PBL model is applied to increase students' interests and enhance the level of students' achievement for this course. This study is a simple descriptive analytical approach using information gathering through observation, SCL-focused activities and focus group discussion. The study found that the method of SCL is able to increase the interest and level of achievement of the students in the Malaysian Nationhood course at UUM.*

Keywords: *Problem Based Learning, Core Courses, Traditional, Focus Group Discussion*

Pendahuluan

Kursus SADN 1033 Kenegaraan Malaysia merupakan kursus teras dan perlu diambil sebagai prasyarat utama dalam proses pengijazahan di Universiti Utara Malaysia (UUM). Bagi memenuhi Hasil Pembelajaran Kursus (HPK), penawaran kursus ini adalah bermatlamat untuk menyatakan dan membincangkan faktor asas yang berlaku dalam perkembangan sejarah Malaysia. Di samping itu untuk menyenaraikan faktor yang menjadi titik pengubah utama dalam sejarah negara dan menerangkan natijah daripada titik pengubah tersebut. Seterusnya pelajar-pelajar diharapkan dapat menganalisis perkembangan dan perubahan yang berlaku dalam sejarah Malaysia.

Penawaran kursus ini juga diharapkan dapat memberikan pengetahuan, asas dan fakta-fakta berkenaan sejarah Malaysia yang menjadi asas kepada pengetahuan kursus Kenegaraan Malaysia. Pelajar-pelajar juga diharapkan dapat menyenaraikan faktor-faktor yang mempengaruhi kesinambungan, perubahan serta perkembangan sosio-politik dan kemasyarakatan Malaysia. Di samping itu pelajar juga diharapkan dapat mengaplikasikan pengetahuan kenegaraan dalam usaha untuk membentuk jati diri dan memiliki semangat patriotik yang tinggi. Seterusnya mengenal pasti implikasi hasil dari perubahan yang berlaku ke atas perkembangan sosioekonomi dan politik negara.

Matlamat akhir juga ialah untuk mengaplikasikan pengetahuan kenegaraan dalam menjana semangat patriotisme, nasionalisme, kesukarelawanan dan kepimpinan dalam kalangan pelajar. Oleh yang demikian, strategi pengajaran pembelajaran dalam kursus Kenegaraan Malaysia seharusnya bersifat kontemporari dan berpusatkan pelajar. Guru adalah bertanggungjawab sepenuhnya menentukan objektif pembelajaran, merangka tugas pengajaran dan memilih sumber pembelajaran bagi muridnya bagi pembelajaran yang bersifatkan murid. Dalam

pengajaran dan pembelajaran tersebut, murid adalah ‘*autonomous*’ dan mereka bertanggungjawab sepenuhnya menentukan hala tuju proses pembelajaran. Oleh yang demikian, strategi ke arah pengajaran pembelajaran berpusatkan murid ialah guru seharusnya mewujudkan pengalaman pembelajaran yang dapat menarik minat murid dan menggalakkan penglibatan mereka dalam proses pembelajaran (Ismail Said, 2014).

Pengajaran dan pembelajaran yang sering kali digunakan ialah yang berpusatkan guru. Pembelajaran ini dikaitkan dengan pengurusan bilik darjah yang bersifat tradisional. Weimer (2002) menegaskan bahawa pembelajaran yang berpusatkan murid memerlukan perubahan peranan dan fungsi guru kepada pemudahcara sahaja (Gloria Brown Wright, 2011). Sehubungan itu, bagi memastikan objektif pembelajaran dan HPK Kursus Kenegaraan Malaysia dicapai, *Problem Based Learning* (PBL) adalah model pengajaran dan pembelajaran yang memupuk dan menggalakkan pembelajaran sepanjang hayat. Antara ciri yang diutamakan dalam PBL ialah penyataan masalah, berfokus, penyelidikan yang dilaksanakan secara autentik, menghasilkan dapatan dan berkolaborasi serta bekerjasama.

Objektif Kajian

Objektif kajian ini ialah untuk melihat pengajaran dan pembelajaran kursus Kenegaraan Malaysia (SADN 1033) di Universiti Utara Malaysia. Hal yang demikian kerana Kursus Kenegaraan Malaysia sering kali dianggap bosan dan membebarkan. Kaedah pengajaran dan pembelajaran yang berpusatkan guru menjadikan pelajar menjadi bosan dan jumud. Kajian ini dilakukan bagi mengenal pasti bagaimakah penggunaan *Problem Based Learning* dapat membantu pengajaran dan pembelajaran kursus Kenegaraan Malaysia di Universiti Utara Malaysia. Seterusnya fokus utama ialah untuk mengkaji sejauh manakah penggunaan *Problem Based Learning* dapat meningkatkan minat dan tahap pencapaian pelajar dalam kursus Kenegaraan Malaysia di Universiti Utara Malaysia.

Metodologi

Kajian ini berbentuk analisis deskriptif mudah yang menggunakan pendekatan pengumpulan maklumat melalui pemerhatian, aktiviti berfokuskan SCL dan perbincangan kumpulan fokus (*focus group discussion*). Seramai 64 orang pelajar Kumpulan F, Sesi 2017/2018 digunakan sebagai sampel kajian. Kuliah ini dikendalikan oleh saya sendiri selama 14 minggu. Kaedah pemerhatian akan digunakan untuk mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh para pelajar dalam mengikuti kursus ini. Model *Problem Based Learning* akan digunakan untuk menilai keberkesanannya pengajaran pembelajaran yang bakal dikendalikan. Teknik pengumpulan maklumat (secara *Brainstorming*, *Buzz Group*, *Syndicate*, *Three Minutes Each Way*, atau *Snowballing*) akan dilaksanakan sehingga hasil pembelajaran kursus (HPK) dicapai. Manakala refleksi bertujuan untuk melihat sama ada menerusi aktiviti *Problem Based Learning*, objektif kajian dan HPK dapat dicapai.

Sorotan Kajian Lepas

Aktiviti bermain memberikan pelajar memenuhi keperluan perasaan ingin tahu, di samping meningkatkan pengetahuan, pengalaman dan kemahiran mereka (Rohani Abdullah, 2004). Menurut Vygotsky (1962), permainan pilihan kanak-kanak sendiri disokong oleh seorang guru ataupun orang dewasa melalui perbincangan dan sesi soal jawab menggalakkan pencapaian kognitif yang lebih tinggi. Permainan adalah satu kaedah pengajaran yang akan dapat mengembangkan daya kreativiti dan memupuk minat terhadap pembelajaran. Ianya juga akan dapat mengurangkan rasa bosan dan jemu, khusus semasa menyelesaikan pelbagai masalah dalam pelajaran (Sahabudin Hashim, 2003). Penggunaan aktiviti permainan sebagai kaedah pengajaran dan pembelajaran dalam dan luar bilik darjah adalah berlandaskan prinsip bermain

sambil belajar. Penyelesaian bagi beberapa masalah dalam pelajaran boleh ditunjukkan melalui aktiviti permainan dan simulasi, khususnya masalah yang melibatkan aplikasi kehidupan seharian.

Kajian mengenai faktor minat yang mempengaruhi pencapaian pelajar banyak dilakukan. Woolfolk (1988) mendefinisikan bahawa minat dan usaha merupakan aspek yang dikatakan mempengaruhi kejayaan pembelajaran seseorang. Menurut Abdul Halim Mohamad dan Wan Mohamad Wan Sulong (2006), dalam kajiannya ke atas pelajar Sarjana Muda Bahasa Arab di Institut Pengajian Tinggi Awam Malaysia mendapati bahawa sikap dan minat pelajar terhadap pelajaran Bahasa Arab adalah penting dalam menentukan kejayaan mereka.

Manakala Noraini Omar (2008) dalam kajiannya mendapati terdapat hubungan antara sikap pelajar dengan pencapaian mereka dalam mata pelajaran Pendidikan Islam. Ramai pengkaji mengemukakan teori berkaitan faktor yang mempengaruhi pencapaian akademik pelajar. Antara faktor-faktor yang dikaitkan dengan pencapaian pelajar ialah minat, sikap, gaya pembelajaran, kaedah pengajaran dan latar belakang keluarga. Minat mempunyai kaitan dengan sikap. Apabila seseorang meminati sesuatu maka ia akan bersikap positif terhadap perkara tersebut. Hal ini akan menghasilkan sesuatu yang bermakna dan berkesan. Namun, terdapat juga minat yang tidak selari dengan sikap seseorang individu. Sebagai contohnya ialah seseorang pelajar yang berminat dengan mata pelajaran kejuruteraan tetapi malas untuk membuat kajian dan penerokaan tidak akan berjaya menjadi seorang jurutera.

Hadiyah Senin (1997), melaksanakan kajiannya mengenai faktor-faktor yang mempengaruhi prestasi pencapaian pelajar dalam mata pelajaran sejarah yang dilakukan terhadap 250 orang pelajar termasuk pelajar Melayu, Cina dan India dari lima buah sekolah di Batu Pahat Johor. Beliau mendapati bahawa pelajar-pelajar yang mempunyai pencapaian yang baik dalam mata pelajaran sejarah adalah pelajar yang mempunyai minat terhadap mata pelajaran tersebut. Selaras dengan itu penulisan Omardin Ashaari dan Yunus Muhamad (1996) yang bertajuk *Kaedah Pengajaran Sejarah* bagi memenuhi keperluan pengajaran sejarah amat bermanfaat dalam memberikan gambaran mengenai kaedah yang perlu digunakan dalam pengajaran pembelajaran Kursus Kenegaraan Malaysia supaya penyampaiannya dapat dilakukan secara berkesan.

Teaching & Learning History 11-18, Understanding The Past (Kitson et al., 2011) juga merupakan sebuah buku yang sangat menarik. Buku ini mengandungi input yang seharusnya diperoleh oleh pendidik ilmu sejarah di sekolah ataupun di peringkat Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS). Kekuatan buku ini ialah penulis mengemukakan pandangan yang berbeza dan dinamik dalam pengajaran pembelajaran sejarah. Menurut penulis pengajaran dan pembelajaran perlu diselang-selikan dengan penyelidikan, perbincangan serta amalan praktis.

Arus perkembangan teori pendidikan di Malaysia mengubah pendekatan dan kaedah pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Perubahan demi perubahan dapat dilihat kebelakangan ini. Ini adalah sesuai dengan perubahan nilai, fikiran, kehendak dan kemajuan teknologi yang diusahakan negara. Di sekolah, perubahan yang berlaku dalam pelaksanaan pendidikan bukan sahaja berkaitan dengan pentadbiran dan pengurusan, namun ia juga meliputi fokus dan kandungan kurikulum; penegasan dalam pelaksanaan kurikulum; pendekatan, strategi serta kaedah pelaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran; dan penggunaan teknologi yang terkini (Abu Bakar dan Ikhsan, 2003).

Seiring dengan hasrat negara, pelbagai perubahan dilihat berlaku dalam aktiviti pembelajaran di sekolah. Pembelajaran merupakan salah satu aktiviti yang penting dalam kehidupan seseorang. Menurut Atkinson *et. al.* (1964), pembelajaran dikatakan sebagai hubungan yang kekal dalam perubahan tingkah laku yang terhasil secara berulang kali. Pembelajaran akan berlaku apabila seseorang menerima sesuatu yang baru, atau mengubahsuai pola tingkah laku yang mempunyai pengaruh terhadap sikap atau pencapaian akan datang. Penemuan merupakan salah satu proses pembelajaran yang dapat membantu pelajar membina pengalaman dan pengetahuan baru melalui penerokaan. Menurut Mohd. Uzi Dollah (2000), pembelajaran matematik ke arah penemuan baru sememangnya merupakan sesuatu yang amat sukar dicapai oleh pelajar. Ini kerana kegagalan melakukan penemuan ini sebenarnya berpunca daripada cara pembelajaran yang lebih menekankan kepada keputusan dalam peperiksaan.

Terdapat beberapa punca kelemahan pembelajaran berorientasikan peperiksaan yang dikenalpasti. Antara punca kelemahan yang dikenalpasti adalah pelajar seolah-olah dibentuk melalui ‘mesin’. Pelajar dilihat sebagai produk yang dibentuk melalui ‘mesin’ iaitu pembelajaran yang mengandungi bahan-bahan yang ditetapkan (kurikulum). Pelajar seolah-olah dipaksa untuk mendapatkan keputusan yang cemerlang. Pembelajaran yang berlaku dalam paksaan tidak akan membantu pelajar membentuk keyakinan diri.

Selain itu, antara punca lain yang dikenalpasti ialah penekanan pembelajaran yang lebih tertumpu kepada buku sebagai bahan rujukan kedua selepas guru. Konsep abstrak yang selektif sangat ditekankan dalam pembelajaran. Penguasaan konsep adalah melalui latihan secara latih tubi. Pelajar hanya tertumpu kepada konsep yang ada dan terhad untuk mengatasi masalah tententu sahaja. Kaedah ini dilihat seolah-olah pembelajaran yang berlaku tidak disepadukan dengan dunia luar. Pembelajaran seperti tidak mempedulikan isu-isu semasa yang dipisahkan dengan pembelajaran. Ini menjarakkan lagi pembelajaran dengan dunia realiti.

Problem Based Learning merupakan salah satu kaedah pembelajaran aktif yang berasaskan teori konstruktivisme sosial. PBL merupakan pembelajaran yang bermula dengan masalah dan pelajar membina idea baru menggunakan bahan sokongan, maklumat dan pengetahuan sedia ada. PBL dilaksanakan secara kolaboratif di mana proses ini akan membantu pelajar membina beberapa kemahiran dan menggalakkan pelajar melalui proses penyelesaian masalah. Kajian semasa menunjukkan proses PBL banyak dilaksanakan di peringkat pengajian tinggi terutamanya di peringkat kolej dan universiti dan jarang sekali dilaksanakan di peringkat sekolah.

PBL adalah salah satu kaedah pembelajaran yang dapat membantu pelajar membina kemahiran untuk berhujah dan berkomunikasi. Kaedah ini memerlukan pelajar berfikir secara kreatif dan kritis, dapat menganalisis masalah sebenar dan berkebolehan dalam berkomunikasi (Duch *et. al.*, 2001b). Kaedah ini juga memerlukan pelajar untuk bekerjasama dalam kumpulan supaya mereka dapat berkongsi pendapat dan idea dalam menyelesaikan masalah tersebut. Di luar negara, kaedah PBL ini jarang diperkenalkan di peringkat sekolah. Kaedah ini kebiasaannya dilaksanakan di peringkat institusi pengajian tinggi. Kaedah ini mula diperkenalkan dalam bidang perubatan. Melalui kaedah ini, pembelajaran akan bermula dengan masalah. Masalah ini akan membawa pelajar kepada pengetahuan dan idea yang baru sebelum mereka dapat menyelesaikan masalah tersebut. Melalui perbincangan dalam kumpulan, pelajar menyusun pengetahuan sedia ada untuk dikaitkan dengan masalah. Pelajar menyusun topik-topik yang berkaitan mengikut kepentingan dan kenalpasti soalan-soalan yang perlu dibincangkan dalam kumpulan. Pelajar perlu menghubungkan idea atau konsep yang baru dengan yang lama sebelum membuat keputusan (Duch *et. al.*, 2001b).

Pendekatan PBL bergantung kepada karakter pelajar, suasana pembelajaran dan masalah yang diberi. Suasana PBL memberi peluang kepada pelajar membentuk kebolehan mereka untuk menyesuaikan diri dalam situasi masalah yang diberi. Pelajar-pelajar mempunyai peluang yang lebih untuk mempelajari proses penyelesaian masalah yang berkaitan dengan pelbagai kemahiran. PBL memerlukan pelajar mengkaji dan menerokai isu-isu yang berkaitan dengan masalah yang diberi. Pengalaman yang lepas banyak membantu pelajar untuk membuat keputusan. Pelajar akan sentiasa menerokai bahan-bahan yang baru supaya idea dalam kalangan ahli kumpulan dapat disatukan. Penguasaan pelajar terhadap masalah akan memudahkan mereka untuk mengaitkan pengetahuan lepas dengan pembentukan idea baru. Ini akan memudahkan pelajar untuk menyelesaikan masalah secara sistematis.

Sebuah buku asas yang perlu dikaji ialah *Pedagogi-Strategi dan Teknik Mengajar Dengan Berkesan*. Buku tersebut dapat memberikan gambaran yang baik dan menyeluruh mengenai konsep pendidikan, pendekatan kaedah, teknik dan strategi. Di samping itu, buku ini menerangkan mengenai komunikasi berkesan dan penyelidikan di dalam bilik darjah (Shahbuddin, 2007). Pada pandangan pengkaji buku ini seharusnya menjadi rujukan asas sebelum meneruskan pengajaran dan pembelajaran.

Samy Azer memberikan penghujahan mengenai pembelajaran berdasarkan masalah dalam penulisan beliau yang bertajuk *Navigating Problem-based Learning*. Buku ini menerangkan mengenai kepentingan memberikan pendedahan kepada pelajar dengan kajian yang berdasarkan kes. Walaupun buku ini menerangkan mengenai aplikasi dalam bidang perubatan, namun pandangan yang diutarakan boleh diguna pakai dalam bifang-bidang lain (Samy Azer, 2008).

Sebuah buku yang menarik dan memberikan gambaran secara menyeluruh ialah tulisan Robert Delisle. Buku ini telah memberikan gambaran yang baik mengenai mengapa perlu digunakan model ini. Penulis memberikan penegasan bahawa penggunaan model pembelajaran berdasarkan masalah dapat meningkatkan kemahiran pelajar secara menyeluruh. Ini kerana pelajar akan menggunakan kemahiran-kemahiran yang dipelajari untuk menyelesaikan masalah atau tajuk yang telah diberi (Robert Delisle, 1997).

John Barell (2007) menegaskan bahawa *Problem Based Learning* merupakan suatu proses inkuiri. Ini bermakna pelajar akan cuba menyelesaikan masalah yang diberi berdasarkan kepada beberapa proses yang dirancang. PBL ini dapat mencetuskan naluri ingin tahu pelajar dan seterusnya memotivasi pelajar bagi mengkaji sesuatu yang telah diberikan kepada mereka (John Barell, 2007).

Ann Lambros memetik kata-kata Joseph Payne iaitu “*The teacher's part, then, in the process of instructionnis that of a guide, director or superintendent of the operations by which the pupil teaches himself*”. Kenyataan ini memberikan pengukuran bahawa PBL dapat merangsang minat dan motivasi pelajar untuk menyelidik dan menimbulkan sikap ingin tahu untuk menyelesaikan masalah (Ann lambros, 2002).

Terdapat banyak jurnal yang membincangkan mengenai implementasi dan impak PBL terhadap pelajar. Bengi Birgili menghasilkan penulisan yang bertajuk *Creative and Critical Thinking Skills in Problem-based Learning Environments*. Antara intipati utama yang diberikan penekanan oleh penulis ialah keperluan memiliki pemikiran kreatif dan kritis dalam kehidupan seharian. Kompetensi ini amat diperlukan dalam menghadapi situasi yang amat mencabar pada hari ini. Pengetahuan dan kemahiran ini juga diperlukan sebagai salah satu komponen dalam *Problem Based Learning* (Bengi Birgili, 2015:71). Manakala pemikiran kreatif pula boleh

didefinisikan sebagai satu set aktiviti kognitif yang digunakan oleh individu berdasarkan kepada objek yang spesifik, masalah, keadaan berdasarkan kepada situasi tertentu (Bengi Birgili, 2015:72).

Sebuah lagi jurnal yang menarik untuk diteliti ialah *Students' and Teachers' Experiences with the Implementation of Problem-Based Learning at a University Law School* oleh Marit Wijnen dan rakan-rakan. Artikel ini merupakan analisis yang telah dibuat oleh sekumpulan pakar di Erasmus School of Law mengenai implementasi PBL di peringkat sarjana pada September 2012. Para pengkaji menyatakan bahawa pada peringkat awal ternyata para pensyarah menghadapi kesukaran. Namun pada akhirnya pelajar-pelajar dan guru-guru memberikan reaksi positif khususnya penglibatan aktif mereka dalam iklim bilik darjah (Marit Wijnen, et al., September 2017 | Volume 11. Issue 2:1).

Manfred Muhlfelder, Tobias Konermann, Linda-Marie Borchard pula menulis sebuah artikel yang bertajuk *Design, Implementation, and Evaluation of a Tutor Training for Problem Based Learning in Undergraduate Psychology Courses*. Artikel ini menerangkan mengenai program "Train the Tutor" (TtT) untuk membangunkan kemahiran metakognitif, kemahiran pemudah cara dan tutor dalam mengendalikan PBL. Matlamat program ini ialah untuk melatih graduan di tahun dua dan tiga dari aspek psikologi menjadi tutor PBL. Penilaian program ini akan dilaksanakan secara sumatif dan formatif sebelum dan selepas sesi latihan. Latihan ini juga adalah sebagai asas *curriculum re-design* untuk mempromosikan PBL dalam kursus psikologi bagi pelajar di peringkat ijazah. Artikel ini sangat bermanfaat dalam menggambarkan kepentingan metakognitif khususnya dalam penyediaan tutor PBL (Manfred Muhlfelder, et al, Vol. 3, No. 2, 2015: 1).

Introducing Problem-Based Learning to Undergraduate IT Service Management Course: Student Satisfaction and Work Performance dihasilkan oleh Katarina Pazur Anicic dan Renante Mekovec. Artikel ini merupakan maklum balas dan kepuasan yang diterima selepas pelaksanaan PBL terhadap pelajar Teknologi Maklumat Ijazah Pertama. Walaupun pada peringkat awal pelajar menghadapi masalah dalam memahami konsep pelaksanaan dan pembelajaran PBL, namun terus berubah apabila selesai menyelesaikannya. Ternyata hasil yang diperolehi ialah PBL dapat melahirkan iklim pembelajaran yang kondusif dan menyediakan pelajar bagi pasaran kerja akan datang (Pazur Anicic dan Renante Mekovec, 2016:16).

Greg Blundell dan Victor Berardi dalam artikel jurnal yang bertajuk *Developing Capable Undergraduate Students: A Focus on Problem-Based Learning and Assessment* memberikan penumpuan kepada matlamat dunia pada hari ini yang mahu melahirkan generasi pelajar yang mampu menghadapi cabaran. Dalam usaha melahirkan graduan bersifat holistik, kurikulum yang diimplementasikan seharusnya bercorak relevan dengan persekitaran semasa. PBL adalah satu kaedah yang boleh menampung keperluan semasa (Greg Blundell dan Victor Berardi, 2016: 71).

The Application of Problem-Based Learning Strategy to Increase High Order Thinking Skills of Senior Vocational School Students dihasilkan oleh Edy Suprapto¹, Fahrizal¹, Priyono¹ & Basri K.¹. Dalam artikel tersebut, penulis membuat penegasan mengenai keberkesanan PBL. Kajian ini lebih kepada PBL yang digunakan sebagai satu strategi meningkatkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam kalangan pelajar di sekolah vokasional. Artikel ini menerangkan bahawa kajian ini dilaksanakan berikutan pelajar-pelajar lepasan aliran vokasional tidak memenuhi tahap kompetensi yang ditetapkan oleh industri. Mereka juga tidak

berkemampuan untuk menjalankan perniagaan sendiri. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa elemen PBL yang diperkenalkan dalam sesi pengajaran dan pembelajaran dapat meningkatkan tahap KBAT. Di samping itu tahap bekerja dalam kumpulan dan kemahiran penyelesaian masalah dapat diterapkan (Priyono1 & Basri K.1., 2017:123). Pada pandangan pengkaji artikel ini amat penting sebagai suatu pembuktian tahap keberkesanan PBL yang diimplementasikan dalam suasana pembelajaran.

Aspek motivasi dan maklum balas pelajar mengenai keberkesanan PBL adalah elemen yang seharusnya diberikan perhatian yang serius. *Student Motivation in Response to Problem-Based Learning* dihasilkan oleh Sherry Fukuzawa, Cleo Boyd & Joel dari Cahn University of Toronto Mississauga. Dalam penulisan artikel ini, penulis memberikan penghujahan bahawa PBL merupakan pembelajaran kendiri yang memerlukan pelajar bekerja dalam kumpulan kecil. Kumpulan PBL dibentuk mampu menyelesaikan masalah yang diberikan dengan menggunakan teknik dan kaedah yang bercorak multi disiplin. Di samping itu, impak PBL khususnya ialah dalam aspek yang melibatkan peningkatan motivasi berbanding dengan kaedah pembelajaran konvensional (Sherry Fukuzawa, Cleo Boyd & Joel, 2017:175).

Tiga orang penulis iaitu Sri Winarno, Kalaiarasi Sonai Muthu dan Lew Sook Ling menulis sebuah artikel yang bertajuk *Direct Problem-Based Learning (DPBL): A Framework for Integrating Direct Instruction and Problem-Based Learning Approach*. Artikel ini mempunyai kelebihan dalam menggambarkan keseluruhan penggunaan PBL berbanding kaedah pembelajaran konvensional. Pendekatan pengajaran dan pembelajaran di peringkat tinggi jauh berubah sejajar dengan perkembangan zaman. Kaedah pengajaran dan pembelajaran secara konvensional tidak menggalakkan perkembangan pemikiran pelajar secara kreatif dan penglibatan bekerja dalam kumpulan. Justeru itu PBL menjadi penyelesaian kerana mampu menjana idea-idea baru dan memupuk perkembangan sahsiah (Sri Winarno, Kalaiarasi Sonai Muthu dan Lew Sook Ling, 2018:119).

PBL merupakan suatu pendekatan yang boleh digunakan dalam pelbagai disiplin ilmu. Antaranya ialah dalam bidang sains sukan. Artikel bertajuk *Consideration of Problem-Based Learning in Athletic Training Education* dihasilkan oleh Cordial M. Gillette, dari University of Wisconsin, La Crosse. Penulisan ini tertumpu kepada PBL yang boleh diimplementasikan dalam penyediaan latihan bagi para atlet sehingga ke proses penilaian. Pada kebiasaannya fasilitator akan memberikan pengajaran dalam bentuk teori dan bersifat sehalia. Penggunaan PBL adalah bercorak dua hala dan mampu menggembungkan potensi atlet secara holistik (Cordial M. Gillette, 2017:195).

Berdasarkan sorotan kajian yang berkaitan dapat membuktikan bahawa pengajaran dan pembelajaran berdasarkan *Problem Based Learning* akan memberikan impak positif terhadap pencapaian dan menarik minat pelajar terhadap kursus yang diajar. Oleh yang demikian, berdasarkan kajian-kajian lepas yang dibincangkan, *Problem Based Learning* akan diaplikasikan di dalam kajian ini.

Keberkesanan *Problem Based Learning* dan Pengajaran serta Pembelajaran kursus Kenegaraan Malaysia

Dapatan Kajian

PBL menjadi elemen penting penyampaian pengajaran dan pembelajaran kursus Kenegaraan Malaysia dalam Kumpulan F. Terdapat reaksi yang amat berbeza apabila pengkaji sebagai fasilitator menyatakan kepada pelajar bahawa PBL akan diimplementasikan dalam PdP.

Terdapat kumpulan pelajar yang menunjukkan kesungguhan untuk mengetahui lebih lanjut mengenai PBL. Ada juga yang menyatakan bahawa mereka lebih gemar dengan PdP yang bercorak konvensional. Manakala terdapat juga sebilangan kecil pelajar yang menunjukkan reaksi agak teruja dan mahu mencuba PBL. Tugas pengkaji pada peringkat awal ialah menerangkan mengenai kebaikan mengimplementasikan PBL dalam aktiviti PdP. Justeru itu pengkaji yang bertindak sebagai fasilitator mula merancang *Entry Document* yang akan digunakan. PBL juga dijadikan kajian rintis dalam kuliah Kumpulan F dengan matlamat keberkesanannya dapat diukur dan diteruskan kepada kumpulan lain. Dalam proses mengimplementasikan PBL dua topik dalam Kursus Kenegaraan Malaysia dipilih. Dua topik tersebut ialah Bab Tiga (Kolonialisme) dan Bab Enam (Darurat). Pada pandangan pengkaji kedua-dua topik ini dipilih kerana sering kali dilabelkan sebagai topik yang sukar. Mahasiswa dan mahasiswi sering menghadapi masalah dalam memahami dan menghayati tajuk ini dengan baik. Persepsi pelajar boleh diubah apabila PBL menjadi pemangkin untuk menimbulkan minat dan meningkatkan pencapaian.

Bagi membolehkan aktiviti PdP dilaksanakan mengikut perancangan, pelajar dibahagikan kepada kumpulan yang mengandungi seramai lima (5) orang. Setiap kumpulan kumpulan perlu melantik ketua kumpulan, pencatat, pelapor dan fasilitator. Tugasan ini perlu dilaksanakan secara bergilir. Beberapa tugas diagihkan kepada pelajar secara bersistem. Ketua kumpulan bertanggungjawab memastikan tugas yang diberikan dilaksanakan dengan sebaik mungkin dan penglibatan menyeluruh setiap ahli dalam aktiviti kumpulan. Manakala Pencatat mencatat data-data perbincangan, strategi dan isu-isu perbincangan yang tidak selesai. Pelapor pula membuat pelaporan mengenai perbincangan keseluruhan dan memantau penulisan keseluruhan tugas yang diberikan. Tugasan terakhir ialah Fasilitator yang memastikan tahap kefahaman setiap ahli kumpulan secara maksima dan mencari bahan-bahan relevan.

Sesi penilaian pula dibahagikan kepada beberapa segmen. Antaranya meliputi laporan/perbincangan (75%), pembentangan (15%), penilaian rakan sebaya (5%) dan penglibatan/log (5%). Kesemuanya membawa markah penuh sebanyak 100%. Manakala rubrik penilaian bagi tugas yang berbentuk laporan/perbincangan, pembentangan, penilaian rakan sebaya dan penglibatan akan dinilai berdasarkan rubrik. Bagi memastikan PBL dilaksanakan secara bersistematis beberapa dokumen bagi merekodkan proses pengajaran dan pembelajaran pelajar diwujudkan. Antaranya ialah Borang Arahan Kerja/Tugasan (Berkumpulan), Borang Proses Pembelajaran (Berkumpulan), Borang Penilaian Dalam Kumpulan dan Penilaian Kendiri (Individu) dan Rubrik Pemarkahan Tugasan.

Dapatan Kajian Bab Tiga (3)-Frekuensi dan Peratus Bab Tiga (3)

Bagi menyampaikan isi kandungan Bab Tiga (Kolonialisme) sebanyak 16 soalan dikemukakan kepada kumpulan pelajar seramai 73 orang yang menghadiri kuliah. Kesemua soalan yang dikemukakan adalah berkait antara satu sama lain dan disusun secara kronologi bagi membantu pemahaman pelajar. Dapatan analisa ini merupakan gabungan pandangan dan respons yang dikemukakan oleh setiap kumpulan apabila tamat mengikuti aktiviti PdP berasaskan PBL. Analisa yang diperolehi menunjukkan respon pelajar mengenai sesi PBL yang dikendalikan bagi Bab 3. Maklum balas ini diperolehi secara individu dan berkumpulan. Majoriti pelajar iaitu seramai 41 orang (56%) memberikan maklum balas positif bahawa PBL memberikan mereka kemahiran untuk membuat rumusan dan mendapat maklumat terperinci mengenai kolonialisme dan imperialism. PBL yang dikendalikan berjaya membuat pemeringkatan skop PdP secara kronologi. Hal yang demikian dapat dibuktikan apabila pelajar menyatakan bahawa kandungan kursus yang dikendalikan dengan PBL jelas dan terperinci. Manakala seramai 18 orang (24%) memberikan maklum balas bahawa mereka memperolehi ilmu mengenai faktor penjajahan di

Tanah Melayu dan sebanyak 21 orang (29%) memahami kolonialisme dan imperialism dengan jelas dan berkesan. Namun menurut pandangan pelajar, PBL yang dikendalikan perlu diselang-selikian dengan maklumat tambahan ketika sesi kuliah dilaksanakan. Hal ini dapat dibuktikan apabila seramai 1 orang (1%) yang memberikan reaksi sedemikian. Sebaliknya seramai 72 orang pelajar (99%) menyatakan bahawa maklumat boleh diperolehi dari sumber lain seperti jurnal, artikel, buku, video dan perkongsian pendapat bagi memantapkan pemahaman.

PBL juga amat bermanfaat dalam memastikan objektif PdP tercapai secara sepenuhnya. Ini digambarkan apabila seramai 52 orang pelajar (72%) memberikan respons bahawa objektif PdP tercapai dengan pelaksanaan PBL. Manakala seramai 5% pula menyatakan bahawa objektif tercapai dengan bantuan daripada sumber lain. Sebanyak 1% pula memberikan respons bahawa objektif PdP tercapai melalui bantuan tenaga pengajar. Sebaliknya 16 orang (22%) menyatakan bahawa PBL menjadikan mereka lebih memahami Bab 3 secara keseluruhannya. Majoriti pelajar iaitu seramai 36 orang (49%) memberikan respons positif bahawa PBL membantu PdP kursus Kenegaraan Malaysia. PBL juga Berjaya membentuk kemahiran sosial pelajar. Seramai 62 orang pelajar (85%) memberikan respons bahawa aktiviti bekerja dalam kumpulan dan bertukar pendapat merupakan strategi yang menarik dalam PBL. Manakala 5 orang (7%) menyatakan bahawa menganalisis boring refleksi, berbincang dan berdebat menjadi daya tarikan. Seramai 6 orang (8%) menyatakan bahawa soalan yang dikemukakan menarik minat pelajar mengikut sesi PdP.

Namun berdasarkan soal selidik yang diberikan terdapat sebahagian pelajar yang masih tidak mampu mengikuti sesi PdP secara berkesan. Soalan tersebut dikemukakan kepada pelajar untuk mendapatkan pandangan telus dalam pelaksanaan PBL. Majoriti sebanyak 17 orang (23%) memberikan respons PBL menjadi bosan kerana mereka perlu mencari maklumat. Sebanyak 21% pula menyatakan tidak mendapat bimbingan dan panduan yang terperinci daripada pensyarah. Manakala 11% pula berasa bosan apabila berada di tempat yang sama sehingga perbincangan selesai. Sebanyak 15% pula menyatakan mereka bosan apabila perlu membaca artikel atau bahan rujukan yang panjang. Namun terdapat minoriti pelajar seramai 2 orang (3%) yang memberikan maklum balas bahawa tidak meminati kursus yang berorientasikan sejarah. Hal yang demikian berlaku kerana sistem kuliah selama ini adalah berpusatkan guru. Pelajar-pelajar juga berasa agak selesa kerana hanya mengikuti kuliah tanpa perlu bergerak. PdP yang berdasarkan SCL menyebabkan mereka terpaksa bergerak dan bekerjasama dalam kumpulan.

Walau bagaimanapun, sebanyak 58 orang pelajar (80%) memberikan respons bahawa PBL yang dikendalikan dalam bilik kuliah mampu menjana idea-idea baru kerana setiap pelajar menyuarakan pendapat yang berbeza. Seramai 9 orang (12%) menyatakan idea-idea baru dapat dijana apabila mereka perlu mencari dari sumber-sumber lain. Sebaliknya 6 orang (8%) menyatakan bahawa mereka mendapat jawapan daripada sumber-sumber yang disediakan.

Sebanyak 77% memberikan respons positif bahawa PBL dapat membantu menjadikan diri mereka sebagai pelajar yang kritikal. 15% pula menyatakan tidak dan hanya 5% memberikan respons bahawa hanya berfokuskan untuk menyiapkan tugas. PBL juga berupaya menjalin sikap kerjasama (99%) walaupun mereka mempunyai pendapat yang berbeza (1%). Respons terhadap tenaga pengajar juga diperolehi daripada pelajar. Semua pelajar (100%) memberikan respons bahawa fasilitator berjaya memberikan penerangan dan menyelesaikan tugas dengan baik. Ini juga memberikan maklum balas positif bahawa aktiviti PBL menyebabkan mereka berusaha mencari bahan-bahan tambahan bagi melengkapkan tugas yang diberikan.

PBL juga memberikan impak positif khususnya dalam meningkatkan minat dan motivasi pelajar. Ini dapat dibuktikan apabila seramai 70 orang pelajar (96%) menyatakan bahawa antara kekuatan PBL ialah apabila pelajar dapat mempelajari dan menyuburkan kemahiran mererima pendapat orang lain serta menyelesaikan masalah. Walau bagaimanapun, majoriti pelajar seramai 34 orang (46%) menyatakan bahawa kelemahan PBL ialah apabila mereka memahami dan mentafsir maklumat yang berbeza dari kumpulan lain.

Pelajar juga secara berkumpulan memberikan respons yang pelbagai dalam membuat penambahbaikan dalam PBL yang dikendalikan. Antaranya sebanyak 27% mencadangkan menambah rujukan dari pelbagai sumber. Sebaliknya sebanyak 25% pula mencadangkan agar soalan yang diberikan perlu lebih spesifik dan mudah difahami. Sebanyak 20% pelajar mula mencadangkan masa bagi sesi PBL perlu ditambah dan 14% pula mencadangkan soalan yang lebih mencabar diberikan kepada pelajar.

Soalan terakhir ini ingin mendapatkan respons keseluruhan mengenai pengendalian PBL yang dilaksanakan dalam mempelajari Bab 3. Sebanyak 48% memberikan respons bahawa PBL dapat menambah ilmu kepada pelajar dengan mendalam. Sebanyak 31% menyatakan bahawa peranan yang diberikan menyebabkan setiap pelajar mempunyai peranan dan tugas masing-masing dalam menyelesaikan masalah.

Dapatan Kajian Bab Enam (6)-Frekuensi dan Peratus Bab Enam (6)

PdP Bab Tiga (3) mencetuskan pelbagai reaksi berbeza. Justeru itu, beberapa perubahan dilaksanakan agar Bab Enam (6) disampaikan secara kronologi dan mudah difahami oleh pelajar. Dalam mengikuti sesi pembelajaran Bab 6, majoriti pelajar seramai 78% menyatakan bahawa mereka dapat membuat rumusan terperinci mengenai darurat. Manakala sebanyak 37% pelajar memberikan respons bahawa mereka dapat memahami mengenai usaha komunis dalam melegitimasi kekuasaan di Tanah Melayu. Sebanyak 26% pula menyatakan bahawa tajuk ini mampu mananam sifat cintakan negara dan memberi kesedaran kepada generasi muda. Sebanyak 99% menjelaskan bahawa proses PdP yang dirancang amat sistematis dengan penggunaan bahan-bahan rujukan tambahan terdiri daripada buku teks, internet dan artikel. Manakala hanya 1% yang memberikan respons kurang sistematis.

Bab Enam (6) memerlukan asas dan bacaan tambahan para pelajar. Seramai 99% pelajar bersetuju bahawa bahan-bahan pembelajaran tambahan amat diperlukan supaya bab ini menjadi lebih lengkap. Sebanyak 1% menyatakan penjelasan juga diperlukan ketika sesi kuliah bersemuka. Manakala sebanyak 71% bersetuju bahawa objektif PdP tercapai dan 29% menyatakan pelajar dapat memahami Bab 6 dengan lebih mendalam. Kesemua pelajar memberikan maklum balas positif bahawa PBL membantu PdP kursus Kenegaraan Malaysia. 34% menyatakan aktiviti menyelesaikan masalah sangat bermanfaat. Sebanyak 49% dapat meningkatkan pemahaman pelajar mengenai peristiwa darurat. Manakala sebanyak 4% menyatakan berjaya menyentik semangat patriotisme dan 13% menyatakan bahawa PBL amat bermanfaat khususnya dalam mengulangkaji bagi tujuan peperiksaan.

Pelajar juga amat berminat dengan aktiviti yang melibatkan bekerja dalam kumpulan dan bertukar pendapat. Hal yang demikian digambarkan sebanyak 85%. Pelajar juga memberikan respons bahawa aktiviti yang membosankan dalam pengendalian PBL ialah apabila perlu mencari maklumat. Ini digambarkan sebanyak 37%. Namun Sebanyak 11% menyatakan kebosanan kerana perlu membaca artikel yang panjang. 7% pelajar pula mempunyai pandangan tidak sefahaman sesama ahli kumpulan. Manakala 5% masing-masing tidak gemar menjawab borang refleksi dan berada di tempat yang sama sehingga perbincangan selesai. Angka

sebanyak 9% menyatakan kekangan masa dan 11% memberikan respons tidak mendapat bimbingan dan panduan terperinci.

Pelajar memberikan maklum balas sebanyak 88% bahawa PBL menjana idea-idea baru kerana setiap pelajar memberikan pendapat yang berbeza. Manakala hanya 7% memberikan respons tidak kerana jawapan sudah ada di sumber yang diperolehi. Hanya sebanyak 5% memberikan maklum balas bahawa PBL hanya berfokuskan menyiapkan tugas. Sebaliknya 95% bersetuju PBL berupaya membentuk mahasiswa dan mahasiswi yang kritikal. Manakala sebanyak 100% bersetuju PBL berupaya menjalin hubungan baik bersama rakan-rakan. 100% pelajar juga bersetuju bahawa fasilitator membantu sebagai pemudahcara dan memberikan penerangan ketika sesi PBL.

PBL mempunyai kekuatan dalam menerima dan bekerjasama dalam menyelesaikan masalah. Ini digambarkan sebanyak 80%. Pelajar juga memberikan maklum balas sebanyak 29% bahawa kelemahan PBL yang diimplementasikan ialah pelajar memhami dan mentafsir maklumat yang berbeza sesama ahli kumpulan. 28% pula sukar memahami arahan tugas dan soalan. 16% pula menyatakan bahawa faktor masa yang terhad menyebabkan tugas tidak dapat diselesaikan. Hanya sebanyak 3% yang memberikan respons tiada kerjasama daripada ahli kumpulan. Seramai 28 orang pelajar (39%) mencadangkan agar soalan yang diberikan lebih spesifik dan mudah difahami. 16% menyatakan bahawa perlu ditambah rujukan dari pelbagai sumber dan 16% mencadangkan masa PBL perlu ditambah. Data juga menunjukkan sebanyak 99% pelajar bersetuju bahawa PBL yang dilaksanakan mampu menambah ilmu baru kepada mereka. Pelajar juga berjaya didelegasikan tugas mereka. Namun hanya sebanyak 1% yang memberikan maklum balas kurang memuaskan. Berdasarkan kepada analisis data yang diberikan di atas jelas menunjukkan bahawa PBL merupakan kaedah berkesan bagi PdP Kursus Kenegaraan Malaysia.

Problem Based Learning dan Peningkatan Minat Serta Tahap Pencapaian Pelajar Refleksi Pelajar Berdasarkan Borang Penilaian Dalam Kumpulan dan Penilaian Kendiri (Individu)

PBL yang diimplementasikan untuk kali pertama dalam kuliah Kenegaraan Malaysia mampu menjana minat dan pencapaian pelajar. Justeru itu beberapa soalan dikendalikan kepada semua pelajar bagi mengetahui minat dan pencapaian mereka selepas PdP dua bab dalam Kenegaraan Maalaysia. Sebanyak lima (5) soalan dikemukakan dan penilaian individu dilakukan secara bersilang. Ini bermaksud penilaian akan dilaksanakan oleh rakan-rakan lain dalam kumpulan. Hal yang demikian juga untuk menjadikan penilaian menjadi telus dan mengelakkan elemen bias. Di tinjau daripada aspek sumbangan setiap ahli kumpulan, pelajar-pelajar memberikan reaksi berbeza. Penerangan awal bercetak yang lengkap diberikan semasa sesi pengendalian PBL. Agihan tugas diberikan secara terperinci. Setiap ahli kumpulan hanya mengandungi seramai lima (5) orang. Antara tanggungjawab yang diberikan ialah pelantikan Ketua Kumpulan, Pencatat dan Pelapor. Apa yang menariknya ialah tanggungjawab tersebut perlu dilaksanakan secara bergilir dan tiada pengecualian. Agihan tanggungjawab juga menyebabkan pelajar mempunyai keupayaan untuk mengakses bahan-bahan lain yang relevan di perpustakaan, internet dan sebagainya. Pelajar juga berpuas hati kerana mereka dapat menyumbangkan idea dan juga bahan-bahan tambahan yang diperlukan. Secara keseluruhannya semua pelajar berjaya menggalas tanggungjawab yang diberikan dengan

seefisien yang boleh. Pergerakan pelajar dan ruang untuk perbincangan mencetuskan minat pelajar dalam mengikuti sesi kuliah.

Walau bagaimanapun, ahli kumpulan juga memberikan respons bahawa dalam kumpulan ini, agak sukar untuk mereka bekerjasama pada peringkat awal. Kumpulan yang dibentuk mengandungi pelajar yang tidak sama dengan aktiviti kumpulan yang lain. Oleh yang demikian, mereka berasa kekok di awal pembentukan kumpulan baru. Pada peringkat awal pelaksanaan PBL, pelajar tidak mahu menggalas tanggungjawab sebagai ketua dan pencatat. Mereka kelihatan agak risau dan menyatakan kebimbangan kerana PBL merupakan kaedah baru yang hendak diterapkan dalam PdP kursus Kenegaraan Malaysia. Namun apabila dijelaskan bahawa peranan yang diberikan akan silih berganti, mereka terpaksa akur. Terdapat juga ahli kumpulan yang memberikan maklum balas bahawa mereka lebih selesa dalam menyelesaikan tugas secara individu. Mereka juga menyatakan bahawa tabiat malu dan pasif menyebabkan keadaan tidak selesa dalam kumpulan.

Majoriti pelajar memberikan maklum balas bahawa mereka menghadapikekangan dalam menyampaikan isi perbincangan kepada ahli kumpulan lain. Ini menyebabkan setiap ahli kumpulan mempunyai kefahaman dan pendapat yang berbeza. Namun terdapat pelajar yang cuba untuk menyampaikan idea secara berulang kali dengan hujah yang kukuh sehingga diterima. Terdapat juga pandangan pelajar yang menyatakan bahawa rakan-rakan mereka "terlalu bijak" dan tidak mampu bersaing dalam kumpulan. Penggunaan laras bahasa yang tidak seragam juga dikemukakan oleh pelajar. Ini kerana mereka mendapatkan maklumat daripada sumber-sumber Bahasa Malaysia dan Inggeris. Namun pengkaji menetapkan bahawa laporan akhir perlu ditulis dengan menggunakan Bahasa Malaysia.

Namun, sebagai pelajar yang proaktif mereka boleh mengubahnya dengan melakukan anjakan paradigma dalam kumpulan. Sejak awal pengendalian PBL pengkaji memberikan penerangan mengenai kepentingan dalam meraikan kepelbagaian idea. Walau bagaimanapun, penglibatan menyeluruh dari semua ahli kumpulan menyebabkan berlakunya perkongsian idea dan memudahkan pemahaman. Kepelbagaian idea perlu disantuni agar satu keputusan bersama dalam perbincangan dicapai. Ini juga merupakan ruang untuk mengenali rakan-rakan yang berlatarbelakangkan kursus dan budaya berbeza. Hal yang demikian menyebabkan Ketua Kumpulan berjaya memandu ahli kumpulan sehingga tamat pembelajaran Bab 3 dan Bab 6.

Ahli kumpulan juga memberikan respons bahawa mereka perlu melakukan beberapa perubahan untuk menjadikan kumpulan lebih efektif. Ketua Kumpulan perlu melaksanakan tindakan sedemikian bagi memastikan pada akhir sesi PdP objektifnya tercapai. Terdapat juga medium teknologi *Whatsapp* yang digunakan oleh pelajar bagi memudahkan mereka mencerna idea-idea baru di luar bilik kuliah. Pelajar-pelajar juga memberikan maklum balas bahawa peranan yang berbeza dalam kumpulan mampu menjadikan diri dan kumpulan menjadi efektif. Minat mereka hadir dan mengikuti sesi PdP kuliah juga penuh.

Apabila dilihat secara keseluruhannya, mahasiswa dan mahasiswi memberikan respons positif terhadap pengendalian PBL. Majoriti pelajar berpendapat bahawa PBL memberikan kemahiran baru kepada mereka. Mereka diberikan kemahiran bekerjasama dalam kumpulan yang mempunyai latar budaya berbeza. Peranan bersilih ganti yang diberikan juga membentuk bakat kepimpinan dalam kalangan pelajar. Mereka juga berupaya memberikan pendapat tanpa dipengaruhi oleh orang lain. Elemen kesabaran dalam menerima pandangan orang lain juga berjaya diterap. Memang tidak dapat dinafikan bahawa menggabungkan idea daripada semua ahli kumpulan adalah sukar. Namun pelajar-pelajar mempunyai keupayaan untuk menyaring

idea dan membuat keputusan dalam menentukan prioriti. Idea utama ini dicatatkan sebagai intipati utama keseluruhan mengenai kemahiran yang dipelajari melalui pelaksanaan PBL.

Keputusan peperiksaan Semester Akhir Kumpulan Kumpulan F, Sesi 2017/2018 bagi Kursus SADN 1033 juga didapati meningkat. Seramai 22 orang pelajar mendapat A, 38 mendapat A- dan 10 orang mendapat B+ daripada jumlah keseluruhan calon seramai 70 orang. Berdasarkan kepada analisis dan perbincangan di atas, jelas membuktikan bahawa PBL mampu membantu PdP serta mencetuskan minat dan pencapaian pelajar dalam kursus tersebut.

Kesimpulan

Bilangan pelajar yang ramai dalam bilik kuliah dikatakan menjadi kekangan utama kepada pensyarah kursus Kenegaraan Malaysia mengendalikan PdP secara berkesan. Tambahan pula pada pandangan pelajar, 10 bab yang terkandung dalam suatu yang amat membosankan. Hal yang demikian diikuti dengan tugas yang tidak kontemporari dan menyebabkan terdapat elemen yang diplagiat dari laman sesawang. Pendekatan tradisional pensyarah juga membataskan minat dan pemahaman pelajar terhadap kursus teras ini. Justeru itu, matlamat mahasiswa dan mahasiswi hadir ke kuliah ialah untuk lulus peperiksaan semata-mata.

Problem Based Learning (PBL) merupakan model pembelajaran kendiri yang melibatkan pelajar dalam menyelesaikan masalah. PBL yang meneroka dan menyelesaikan masalah berupaya menggembungkan cara berfikir pelajar menjadi lebih inovatif dan kreatif. Kelebihan kaedah ini ialah mampu menggalakkan pelajar menguasai kemahiran melalui proses penyelesaian masalah. Proses ini juga dapat dilaksanakan bersama secara kolaboratif dan partisipatif. Berdasarkan kepada pemerhatian dan implementasi di dalam PdP, PBL mempunyai kelebihan dalam membina pelajar menghayati sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP) secara berkesan. Di samping itu pada pandangan pengkaji PBL juga mempunyai kelebihan dalam menggabungkan pelbagai bakat dan kemahiran yang dimiliki oleh pelajar. Pelajar-pelajar pelbagai kebolehan dapat menyumbangkan idea dan kreativiti mereka dalam melaksanakan tugas yang diberikan. Pembelajaran kendiri dalam PBL juga dapat memberikan autoriti kepada pelajar untuk merancang aktiviti dan memberi mereka tanggungjawab yang lebih.

Pelaksanaan PdP juga menjadikan tugas pensyarah hanya sebagai fasilitator dan membimbing pelajar serta memberikan cabaran kepada mereka untuk belajar secara kendiri. PBL juga amat bersesuaian bagi melahirkan pelajar yang kritis, inovatif dan yakin pada diri sendiri. Melalui peranan bersih ganti yang diberikan setiap pelajar mampu menjadi penyumbang aktif dalam konteks bermasyarakat. Kaedah ini juga mengasah kemahiran berkolaborasi dalam kumpulan supaya mereka dapat berkongsi pendapat dan idea untuk menyelesaikan masalah tersebut. Perbincangan aktif yang dilaksanakan dapat menyusun pengetahuan sedia ada untuk dikaitkan dengan masalah. Pelajar juga berupaya menyusun topik-topik yang berkaitan mengikut prioriti dan mengenalpasti soalan-soalan yang perlu dibincangkan dalam kumpulan.

PBL mempunyai kelebihan menghubungkan idea atau konsep baru dengan yang lama sebelum membuat keputusan. Oleh yang demikian, pengalaman yang lepas akan banyak membantu pelajar membuat keputusan. Pelajar juga akan sentiasa menerokai bahan-bahan yang baru supaya idea dalam kalangan ahli kumpulan dapat disatukan. Hal yang demikian menyebabkan PBL berupaya menggembungkan pedagogi dan teknik mengajar dengan lebih berkesan. Elemen terbaik yang dapat dipupuk ialah kemahiran berkomunikasi dengan berkesan. Tugasan yang diberikan berdasarkan masalah akan memberikan gambaran secara menyeluruh mengenai ruang lingkup kehidupan yang sebenar. Tambahan pula PBL memberikan tumpuan kepada

proses inkuiiri. Ini bermakna pelajar akan cuba menyelesaikan masalah yang diberi berdasarkan kepada beberapa proses yang telah dirancang. Pelaksanaan PBL berupaya mencetus dan merangsang minat serta motivasi pelajar untuk menyelidik, menimbulkan sikap ingin tahu dan menyelesaikan masalah. PBL juga mampu mencetuskan suasana persekitaran yang baik dan seterusnya melahirkan individu yang berakhhlak mulia seperti bertanggungjawab, bekerjasama, hormat menghormati dan sebagainya. Oleh yang demikian, memupuk nilai-nilai murni kepada pelajar perlu bermula dari semua pihak. Justeru itu, pensyarah juga bertanggungjawab untuk menyampaikan nilai-nilai ini kepada pelajar terutamanya sewaktu proses pengajaran dan pembelajaran berlaku. Tambahan pula nilai-nilai ini boleh dipupuk ketika para pelajar melaksanakan tugas secara berkumpulan. Elemen nilai murni perlu dipupuk oleh semua pihak termasuk ahli masyarakat. Nilai yang baik akan melahirkan sikap yang terpuji dan individu yang cemerlang. Sikap dan nilai saling berkait dan melengkapi di antara satu sama lain. Oleh yang demikian, nilai dan sikap mendorong serta mempengaruhi tingkah laku dan pemikiran. Kesemua nilai yang baik dapat diterapkan apabila pelajar berada dalam kumpulan ketika melaksanakan tugas. Di samping itu, sesi pembentangan yang dilaksanakan juga dapat meningkatkan kemahiran berhujah dan membuat keputusan yang tepat berdasarkan konteks serta situasi. Oleh yang demikian, dapat dirumuskan bahawa penerapan nilai-nilai murni di dalam proses pengajaran dan pembelajaran secara formal atau tidak formal adalah salah satu dari kaedah terbaik dalam penyampaian. Ia mencakupi kesemua mata pelajaran yang diajar dengan dibantu oleh pengajar sebagai fasilitator. Amat bertepatan sekali bahawa PBL mampu membawa iklim PdP yang kondusif dalam kursus Kenegaraan Malaysia di Universiti Utara Malaysia.

Bibliografi

- Abd. Halim Mohamad & Wan Mohamad Wan Sulong (2003). *Antara Minat dan Sikap Pelajar Terhadap Bahasa Arab: Satu Kajian Kes Pelajar Bachelor Bahasa Arab Di IPTA Malaysia*. Wacana Pendidikan Islam (Siri 5) Pendidikan Islam Dan Bahasa Arab Pemangkin Peradaban Ummah. Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abu Bakar Nordin dan Ikhsan Othman (2003). *Falsafah Pendidikan dan Kurikulum*. Tanjung Malim: Quatum Books
- Azer, Samy. (2008). *Navigating Problem-based Learning*. Elsevier, Australia.
- Atkinson & J.T. Feather (Eds.) (1964). *A Theory of Achievement Motivation*. New York: Wiley.
- Bengi Birgili. (2015). *Creative and Critical Thinking Skills in Problem-based LearningEnvironments*. Journal of Gifted Education and Creativity, 2(2), 71-80 December 2015. <http://jgedc.org> DOI: 10.18200/JGEDC.2015214253.
- Barell, John. (2007). *Problem Based Learning, An Inquiry Approach*. UK: Corwin Press.
- Brown, Gloria Wright. (2011). Student-Centered Learning in Higher Education. *International Journal of Teaching and Learning in Higher Education*.
- Cordial M. Gillette. (Volume 12, Issue 3, July–September 2017). *Consideration of Problem-Based Learning in Athletic Training Education*. Athletic Training Education Journal. file:///F:/11.%20PBL-1203195(1)%20-%20Copy.pdf
- Delisle, Robert. (1997). *How to Use Problem-Based Learning in The Classroom*. Virginia USA: Alexandria.
- Duch, B.J, Groh, S.E dan Allen, D.E.(2001). *The Power of Problem Based Learning*. Virginia: Stylus Publishing.
- Greg Blundell dan Victor. (Januari 2016). *Developing Capable Undergraduate Students: A Focus on Problem-Based Learning and Assessment*, Information Systems Education Journal (ISEDJ).

- Hadiyah Senin (1997). Faktor-faktor yang mempengaruhi prestasi pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Sejarah. Projek Penyelidikan Sarjana Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ismail bin Said. (2014). *Kaedah Pengajaran Sejarah*. Selangor: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.
- Kitson, Alison & Husbands, Chris, Steward, Susan. (2011). *Teaching & Learning History 11-18, Understanding the Past*. England: Open University Press.
- Katarina Pazur Anicic dan Renante Mekovec. (VOL. 4, No. 1, 2016). Introducing Problem-Based Learning to Undergraduate IT Service Management Course: Student Satisfaction and Work Performance. *Journal of Problem Based Learning in Higher Education*.
- Lambros, Ann. (2002). *Problem-Based Learning in K-8 Classrooms*. US: California.
- Mager, R, F. (2004). *Teknik Mendorong Pelajar Belajar*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad.
- Marit Wijnen, etl. (September 2017 | Volume 11 | Issue 2). *Students' and Teachers' Experiences with the Implementation of Problem-Based Learning at a University Law School*, www.ijpbl.org.
- Manfred Muhlfelder, Tobias Konermann, Linda-Marie Borchard. (Vol. 3, No. 2, 2015). Design, Implementation, and Evaluation of a Tutor Training for Problem Based Learning in Undergraduate Psychology Courses. *Journal of Problem Based Learning in Higher Education*.
- Hajah Noraini Haji Omar. (2008). Faktor-faktor Yang Mempengaruhi Pencapaian Pelajar Dalam Mata Pelajaran Pendidikan Islam Tingkatan Lima. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan IPTAR*.
- Omardin Haji Ashaari & Yunus Muhamad. (1996). *Kaedah Pengajaran Sejarah*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Priyono1 & Basri K.1. (Vol. 10, No. 6; 2017). The Application of Problem-Based Learning Strategy to Increase High Order Thinking Skills of Senior Vocational School Students, *International Education Studies*.
- Rohani Abdullah. (2004). *Panduan Kurikulum Prasekolah*. Kuala Lumpur: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Sahabudin Hashim et. al. (2003). *Psikologi Pendidikan*. Selangor: PTS Professional
- Sherry Fukuzawa, Cleo Boyd & Joel. (2017). *Student Motivation in Response to Problem-Based Learning*. Collected Essays on Learning and Teaching, Vol. X. file:///F:/9.PBL-EJ1147208%20-%20Copy.pdf.
- Sri Winarno, Kalaiarasi Sonai Muthu dan Lew Sook Ling. (Vol. 11, No. 1; 2018). Direct Problem-Based Learning (DPBL): A Framework for Integrating Direct Instruction and Problem-Based Learning Approach. *International Education Studies*, file:///F:/10.PBL-EJ1165333%20-%20Copy.pdf.
- Shahbuddin Hashim, Rohizani Yaakub, Mohd Zohir Ahmad. (2007). *Pedagogi-Strategi dan Teknik Mengajar Dengan Berkesan*, Kuala Lumpur: PTS Professional.
- Vgotsky, L.S. (1962). *Thought and language*. Cambridge, M.A: Mit Press.
- Woolfolk A. (1988). *Educational Psychology*. (8th ed.). Boston: Allyn & Bacon.
- Weimer, M. (2002). *Learner-centered teaching: five key changes to practice*. San Francisco, CA: Jossey-Bass